

# ALESONE CREAM

Mometasone furoate (0.1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Alesone*
2. Bagaimana *Alesone* berfungsi
3. Sebelum mengguna *Alesone*
4. Cara menggunakan *Alesone*
5. Semasa menggunakan *Alesone*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Alesone*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Alesone*

Ia digunakan untuk melegakan keradangan dan kegatalan keadaan kulit di mana steroid adalah berkesan.

## Bagaimana *Alesone* berfungsi

Mometasone furoate, sejenis steroid yang mempunyai sifat mengurangkan keradangan dan kegatalan. Ia disapu atas kulit untuk mengurangkan kemerahan dan kegatalan akibat daripada sesetengah masalah kulit.

## Sebelum mengguna *Alesone*

- *Bila tidak boleh mengguna*
  - alahan terhadap mometasone, steroid lain lain dan ramuan-ramuan lain produk.
- *Sebelum mula mengguna*
  - Awas penggunaan dekat dengan mata atau muka kerana kemungkinan iritasi.
  - Kesan sistemik mungkin berlaku jika disapu pada kawasan luas, terutamanya apabila kulit luka yang dibalut atau tidak.
  - Berhati-hati jika diguna berpanjangan.
  - Berhati-hati semasa penggunaan pada kanak-kanak kerana risiko lebih tinggi mengalami perencatan kelenjar hipotalamik-pituitari-adrenal dan sindrom *Cushing* menyebabkan perubahan hormon.
  - Terdapat risiko gangguan adrenal, kemungkinan tanda regangan kulit luar biasa, tambahan berat badan yang lambat dan rencatan tumbesaran kanak-kanak.
- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan *Alesone*

- *Berapa banyak harus diguna*

Disapu pada bahagian berkenaan sekali sehari.

- *Bila perlu diguna*

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- *Berapa lama perlu diguna*

Diguna sehingga sembuh atau untuk 3 minggu, yang mana lebih singkat.

- *Jika terlupa mengguna*

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- *Jika mengguna berlebihan(terlebih dos)*

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun segera. Jika steroid diguna berlebihan dan berpanjangan, fungsi pituitari-adrenal akan terganggu, mengakibatkan paras tinggi hormon cortisol, termasuk sindrom *Cushing*. Dalam kes toksisiti berlarutan, hentikan penggunaan ubat secara beransur-ansur.

## Semasa menggunakan *Alesone*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil. Jika iritasi dan sensitasi berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan nasihat doktor. Untuk keadaan jangkitan, ubat antikulat atau antibakteria perlu digunakan. Jika tidak berkesan, penggunaan dihentikan sehingga jangkitan terkawal.
- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.
- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Pedih, gatal, kulit bertambah nipis, tanda merah dengan ruam panas dan keradangan folikel rambut mungkin berlaku. Jangkitan sekunder, jerawat, warna kulit luntur, pertumbuhan rambut terlampau banyak dan tanda regangan mungkin berlaku. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Alesone*

- *Penyimpanan*

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.
- *Pelupusan*

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Krim warna putih.
- *Bahan-bahan kandungan*
  - Bahan aktif: mometasone furoate
  - Bahan tidak aktif: liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol, citric acid, sodium citrate dan air.
- *Nombor MAL:*

MAL20040076AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
20/06/2017

**Nombor Siri**  
BPFK(R4/1)160617/00135